



UCAPTAMA

**YB SENATOR DATUK SERI UTAMA TENGKU
ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN
INDUSTRI**

**SIDANG KEMUNCAK
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SYARIKAT
PERINGKAT PERTENGAHAN 2025
(*MTC CEO SUMMIT 2025*)**

**BERTEMAKAN:
MENERAJUI FASA BAHARU ASEAN:
SYARIKAT PERINGKAT PERTENGAHAN MALAYSIA
PEMACU PERTUMBUHAN YANG BERDAYA TAHAN
DAN INKLUSIF**

**13 NOVEMBER 2025 (KHAMIS)
DEWAN MATRADE, ARAS 3, MENARA MATRADE
12:00 TENGAH HARI - 2:00 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berhormat Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican
Pengerusi MATRADE,

YBhg. Dato' Sri Mohd Mustafa Abdul Aziz
Ketua Pegawai Eksekutif MATRADE,

YBrs. Encik Mansor Shah Wahid
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Pengeksport)
MATRADE

Encik Azhar Hussin
Pengarah Eksekutif
Deloitte Consulting Malaysia,

Encik Martin Ang
Presiden
Malaysian Consortium of Mid-Tier Companies (MCMTC),

Barisan Pengurusan Kanan MATRADE,

Wakil-wakil daripada Kementerian dan Agensi,

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Syarikat Peringkat
Pertengahan (SPP) Malaysia,

Rakan-rakan Media,

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin -Nya, kita dapat berhimpun di **Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Peringkat Pertengahan** (atau *MTC CEO Summit*) 2025.
2. Tahniah kepada MATRADE atas penganjuran acara ini, sebahagian daripada Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan - PPSP. Ia bukan sekadar perhimpunan tahunan, **tetapi platform strategik bagi menilai pencapaian, memperkukuh jaringan dan memperjelas hala tuju pembangunan SPP** dalam **ekosistem perdagangan global**.
3. Saya menghargai kehadiran peserta dan alumni PPSP, khususnya yang bersama sejak ahun 2014. **Perjalanan SPP penuh cabaran, namun mencerminkan ketahanan dan keupayaan syarikat-syarikat Malaysia** untuk muncul sebagai **juara eksport serantau dan global**.
4. Penghargaan juga kepada YB Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican atas kepimpinan beliau menerajui MATRADE sehingga program ini mencapai kejayaan cemerlang.

PPSPP MEMPERKASA PENGEKSPORT DAN MEMACU EKONOMI MALAYSIA

Para hadirin sekalian,

5. Sejak lebih sedekad lalu, **PPSPP** kekal sebagai satu-satunya inisiatif komprehensif di bawah MITI dan MATRADE bagi memperkasa syarikat peringkat pertengahan (**SPP**). Walaupun kurang 1% daripada jumlah perniagaan, **SPP banyak menyumbang kepada ekonomi negara** – khususnya dalam **rantaian bekalan, inovasi dan eksport** pasca pandemik.
6. Tahniah kepada MATRADE atas **pendekatan menyeluruh dan kerjasama antarabangsa** melalui rangkaian pejabat MATRADE di luar negara.

PENEKANAN TEMA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Tema Sidang Kemuncak tahun ini, “**Menerajui Fasa Baharu ASEAN: Memacu Pertumbuhan yang Berdaya Tahan dan Inklusif,**” selari dengan **visi perdagangan negara yang holistik dan berpaksikan masa depan**. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia juga menzahirkan kepimpinan dan daya saing dalam **membentuk ekonomi serantau yang inklusif, mampan dan digital**.

8. SPP ialah **teras misi ini** – penghubung antara pasaran global dan industri tempatan. **Sumbangan SPP** bukan sahaja kepada **ekonomi negara**, tetapi juga kepada **pembangunan sosio-ekonomi, khususnya PMKS** dalam rangkaian bekalan SPP.

PENGUMUMAN PENCAPAIAN PPSPB BAGI TAHUN 2024

Para hadirin sekalian,

9. Saya ingin berkongsi pencapaian SPP Malaysia berdasarkan Kajian Pengesanan Impak 2023–2024 oleh MATRADE dan Deloitte Consulting Malaysia.
10. **Impak Ekonomi:** Alumni PPSPB telah mencatat jualan tahunan **RM39.5 bilion pada tahun 2024**, peningkatan 20% berbanding 2023. Hampir 60% **adalah eksport**. Ini membuktikan daya saing global SPP semakin kukuh. Kejayaan ini turut menyumbang kepada kedudukan Malaysia sebagai negara perdagangan ke-24 terbesar di dunia.
11. **Penjanaan Pekerjaan:** Sebanyak **6,408 peluang pekerjaan baharu diwujudkan pada 2024**, naik 20% berbanding 2023 (5,339). Daripada jumlah ini, **68.5% adalah jawatan berkemahiran tinggi**, manakala selebihnya merupakan jawatan separa mahir. Ini menunjukkan peralihan industri ke arah aktiviti bernilai tambah tinggi.
12. **Penglibatan PMKS Tempatan dalam Rangkaian Bekalan:** Setakat tahun lalu, **lebih 11,000 PMKS telah diintegrasikan ke dalam rangkaian bekalan eksport SPP** – peningkatan 10% tahun-ke-tahun. Ini

menggambarkan **kesan berganda (*multiplier effect*)** kejayaan SPP dalam memperkasa PMKS untuk menembusi pasaran antarabangsa, dan menyertai ekosistem perdagangan global.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. **Penembusan Pasaran Baharu:** Pada 2024, alumni PPSPPP berjaya **menembusi 115 pasaran antarabangsa baharu** – peningkatan 49% tahun-ke-tahun. Selain ASEAN dan Asia, SPP turut memasuki **pasaran Timur Tengah** (Qatar), **Afrika** (Gabon dan Nigeria) dan **Eropah** (Romania dan Italy). Ini membuktikan kesiapsiagaan SPP Malaysia di pentas global.
14. **Penjenamaan:** Hal ini memainkan **peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan SPP di pasaran antarabangsa**. 75% alumni PPSPPP telah melaksanakan inisiatif penjenamaan seperti pemasaran, pembungkusan unik dan penjenamaan semula untuk meningkatkan kehadiran mereka di peringkat global.
15. **Adaptasi Digitalisasi:** Sebanyak **96% SPP telah menerapkan digitalisasi dalam operasi**, seperti pemasaran, kewangan/perakaunan, analisis data dan pengedaran. Ini **memperluaskan capaian pelanggan dan membina hubungan masa nyata (*real time*)** dengan pengguna antarabangsa.
16. **Amalan Kemampanan:** Seterusnya, sebanyak **99% SPP telah melaksanakan inisiatif kemampanan seperti tenaga solar, kecekapan tenaga, dan pemuliharaan air**. Ini menunjukkan

komitmen mereka terhadap pertumbuhan yang bertanggungjawab, selaras dengan agenda ekonomi lestari.

17. Pencapaian PPSPP membuktikan **kejayaan membangunkan keupayaan perniagaan tempatan**, selaras dengan agenda ekonomi MADANI yang menekankan **kemampanan, keterangkuman dan kemajuan bersama**.
18. Walaupun banyak kejayaan ini tidak hadir tanpa cabaran, **SPP Malaysia terus menunjukkan ketahanan luar biasa, menyesuaikan diri, mencari peluang baharu**.

SPP Sebagai Perisai Ekonomi

Para hadirin sekalian,

19. Dalam lanskap ekonomi global yang mencabar, **daya tahan negara bergantung kepada ekosistem SPP yang menjadi tulang belakang industri kita**. Walaupun mewakili **hanya 1.0% (11,235)** daripada jumlah **syarikat yang berdaftar**, SPP telah **menyumbang sebanyak 40% kepada KDNK tahun 2023**.
20. Dalam membangunkan rantai bekalan mantap, mewujudkan peluang pekerjaan terjamin, dan eksport berdaya saing, ternyata SPP bukan sekadar penyumbang, tetapi **perisai ekonomi negara dalam menghadapi ketidaktentuan global**.

21. Namun, daya tahan mesti disertai **pertumbuhan inklusif**. Kejayaan SPP perlu memberi **manfaat kepada PMKS dan komuniti tempatan**.
22. Selain menawarkan ribuan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan beroperasi di seluruh negara, **Laporan Pengesanan Impak 2024** juga **membuktikan pencapaian SSP melalui peningkatan eksport, peluasan pasaran baharu, dan penglibatan PMKS dalam rantai bekalan antarabangsa**.

Peranan MITI dan MATRADE

Para hadirin sekalian,

23. MITI akan terus memimpin agenda pemerkasaan daya saing SPP Malaysia. Kejayaan bukan sekadar eksport, tetapi juga daya tahan dan keupayaan strategik jangka panjang – termasuk transformasi digital, pematuhan ESG, dan inovasi teknologi.
24. Pagi tadi, MITI baru sahaja **membentangkan Kad Laporan Suku Ketiga 2025**. Salah satu projek penting yang sedang diusahakan adalah ***Supply Chain Intelligent Management System (SCIMS)*** yang akan **memeta hubungan antara pembekal, pengeluar, pengedar, dan pengguna akhir, serta mengenal pasti kebergantungan, jurang, dan peluang dalam ekosistem sektor-sektor strategik negara**.
25. Ini antara usaha MITI untuk terus **membina daya saing eksport dan mempersiapkan syarikat untuk bersaing di rantai nilai tinggi**.

Penutup

Para hadirin sekalian,

26. Kepada SPP di sini dan diluar sana, yakinlah bahawa **MITI dan MATRADE kekal komited memperkukuh inisiatif-inisiatif strategik agar Malaysia manjadi peneraju ekonomi serantau yang berdaya tahan, inklusif dan mampan.** Akhir kalam, setinggi-tinggi penghargaan kepada MATRADE di bawah pimpinan YB Dato' Seri Reezal Merican, serta semua SPP dan rakan strategik seperti MCMTC atas sokongan terhadap agenda eksport negara.
27. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya menutup secara rasmi Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Peringkat Pertengahan 2025.

Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufik wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.